

31 AUG 2000

Merdeka-Perarakan (Bergambar)

RIBUAN RAKYAT MALAYSIA SERTAI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN ALAF BARU

SHAH ALAM, 31 Ogos (Bernama) -- "Keraname Malaysia", tema sambutan Hari Kebangsaan Ke-43, jelas dihayati ribuan rakyat Malaysia apabila mereka berhimpun dan menyertai perarakan kemerdekaan di Dataran Shah Alam di sini hari ini.

Demi negara dan menghargai kebebasan yang dikecapi, rakyat pelbagai lapisan agama dan kaum termasuk pemimpin masyarakat melupakan sejenak perbezaan fahaman serta ideologi politik masing-masing bagi bersama-sama meraikan hari kemerdekaan negara dengan penuh semangat patriotisme dan perpaduan.

Cuaca pagi yang cerah dan suasana tenang memberi peluang kepada orang ramai berkumpul seawal pukul 6 pagi di Dataran Shah Alam, untuk merayakan Hari Kebangsaan kali pertama di alaf baru ini.

Laluan menuju Dataran Shah Alam yang diserikan dengan tanaman berwarna-warni serta kibaran Jalur Gemilang di bangunan sekelilingnya, ibu pejabat Umno Selangor dan Hotel Grand Blue Wave, menceria dan memeriahkan lagi suasana sambutan kemerdekaan.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah tiba pukul 8 pagi dan disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Yang turut hadir ialah menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, para diplomat dan perwakilan asing.

Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, sambutan hari kebangsaan yang pertama di alaf baru ini turut dihadiri oleh pemimpin pembangkang seperti Presiden Pas Datuk Fadzil Nor dan Naib Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw.

Sejurus tiba, Sultan Salahuddin memeriksa perbarisan kehormatan oleh 102 anggota lain-lain pangkat serta tiga pegawai daripada unit kawalan kehormatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi pimpinan Mej Roslan Shah Jamaluddin.

Acara sambutan hari kemerdekaan dimulakan dengan upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku oleh kumpulan koir Institut Bahasa Melayu Malaysia diiringi pancaragam Polis Diraja Malaysia.

Lima pelajar dari sekolah-sekolah di sekitar Shah Alam meneruskan acara dengan bacaan ikrar Rukun Negara dan tujuh kali teriakan "Merdeka" yang turut diikuti oleh orang ramai.

Sajak khas "Keraname Malaysia" karya Ahmad Sarju dideklamasikan oleh lima orang yang simboliknya mewakili seluruh rakyat termasuk dari Sabah dan Sarawak, sambil diselang seli dengan tembakan meriam 14 das.

Dalam acara persembahan padang, seramai 2,300 pelajar telah membentuk logo Hari Kebangsaan 2000 serta enam formasi lain yang melambangkan pelbagai pencapaian negara serta perpaduan kaum.

Setelah selesai acara padang, acara perarakan oleh 53 kontinjen yang mewakili pelbagai pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta serta pasukan beruniform diadakan.

Selain itu, sebanyak 17 kereta berhias daripada pelbagai agensi kerajaan dan syarikat swasta yang mempamerkan fungsi dan kejayaan masing-masing turut mengambil bahagian.

Perarakan diakhiri oleh kontinjen daripada ketiga-tiga pasukan keselamatan iaitu Tentera Darat, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Ketika itu, beberapa buah jet pejuang TUDM mengadakan lintas hormat dengan membuat beberapa formasi serta mengadakan demonstrasi mengisi minyak di udara.

Pada kemuncak perarakan, hujan turun dengan lebat tetapi ini tidak mematah semangat kontinjen rakyat bersepadu yang terdiri daripada pelbagai

golongan masyarakat yang memakai pakaian tradisi mengadakan persembahan dengan menyanyikan lagu "Jalur Gemilang."

Sementara itu di IPOH, perarakan berwarna-warni lima buah kereta berhias dan 89 kontinjen yang dianggotai kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri.

Orang ramai membanjiri kiri kanan Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab untuk menyaksikan perarakan itu yang turut melintasi beberapa bangunan yang menjadi identiti bandar raya ini termasuk Stesen Keretapi Ipoh dan Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Sultan Perak Sultan Azlan Shah, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Exco kerajaan negeri turut hadir menyaksikan perbarisan itu dari pentas tetamu kehormat yang terletak di hadapan bangunan lama Dewan Bandaran Ipoh.

Di KUANTAN, kira-kira 8,000 peserta yang mewakili pelbagai persatuan, jabatan kerajaan, parti komponen BN, anggota berpakaian seragam dan sektor swasta menyertai perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan.

Selain itu, 14 kumpulan berkenderaan dari Angkatan Tentera Malaysia, Polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, kereta antik dan motosikal berkuasa tinggi juga mengambil bahagian pada acara yang berlangsung di Padang MPK 1.

Turut menyerikan sambutan ialah pertunjukan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia yang menggunakan pesawat jenis PC-7 dan persembahan pantomin kemerdekaan oleh kira-kira 1,100 pelajar dari sekolah-sekolah di sekitar daerah Kuantan.

Di LANGKAWI, walaupun tidak diadakan sambutan Bulan Kebangsaan peringkat Langkawi hari ini, tapi kemeriahan menyambutnya tetap dirasakan oleh rakyat dengan mengibar bendera di rumah, premis dan kenderaan masing-masing.

Sambutan dan perbarisan hanya akan diadakan pada Ahad ini berhampiran Taman Mar-mar di Kuah, dijangka dihadiri sebanyak 2,000 peserta dari pelbagai jabatan dan pasukan serta parti politik.

Di KOTA BAHARU, kira-kira 4,000 peserta daripada 100 kontinjen mengambil bahagian dalam perarakan dan perbarisan Hari Kebangsaan.

Perbarisan sejauh 3.8 kilometer itu bermula di hadapan Kota Darul Naim di Jalan Kuala Krai menyusuri Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Mahmood dan berakhir di Kompleks Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab.

Mereka membuat lintas hormat kepada Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di pentas khas di hadapan Stadium Sultan Mohamed Ke-IV di Jalan Mahmood, disaksikan orang ramai yang penuh sesak membarisi kiri dan kanan jalan berkenaan.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 10,000 orang dari pelbagai jabatan kerajaan, swasta, sekolah dan pasukan keselamatan menyertai perbarisan sejauh kira-kira enam kilometer yang bermula di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah dan berakhir di Lapang Shahbandar di hadapan Istana Maziah di sini.

Yang hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Abdul Hadi Awang, exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Di JOHOR, acara perarakan berlangsung di Kota Tinggi melibatkan 93 kontinjen termasuk pasukan berpakaian seragam dan pasukan pancaragam.

Perarakan sejauh 1.6 KM dan melintas hormat di Dataran Kota Tinggi itu disaksikan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Exco dan orang kenamaan negeri serta kira-kira 10,000 rakyat jelata.

Perbarisan itu turut dimeriahkan dengan pertandingan pakaian keseluruhan terbaik, pakaian seragam dan bukan seragam terbaik, pasukan daerah dan mukim terbaik serta pertandingan sepanduk.

Di KANGAR, kira-kira 20,000 orang terdiri 114 kontinjen menyertai perarakan lebih dua kilometer dengan melalui beberapa jalan utama yang bermula di Jalan Raja Syed Alwi dan berakhir di Jalan Hospital.

Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail turut berangkat menyaksikan perarakan itu di padang Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

Di ALOR SETAR, sebanyak 144 kontinjen terdiri daripada jabatan kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan mengambil bahagian dalam

perarakan yang diadakan di perkarangan Stadium Darul Aman.

Mereka turut memberi tabik hormat kepada Sultan dan Raja Muda, yang turut disertai Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. .

Paling mendapat perhatian adalah kontinjen yang disertai 33 Anggota Dewan Undangan Negeri termasuk 10 dari PAS. Ini adalah kali pertama para wakil rakyat kerajaan dan pembangkang berganding bahu menyertai perarakan.

Di KOTA KINABALU, sebanyak 73 kontinjen mengambil bahagian dalam perarakan yang berlangsung sejauh satu kilometer bermula di Jalan Pantai dan berakhir di Padang Merdeka yang turut disaksikan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam serta anggota jemaah Kabinet negeri.

Di SARAWAK, sambutan diadakan di Miri dengan 73 kontinjen terdiri daripada pasukan keselamatan, polis, jabatan dan agensi kerajaan, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan mengambil bahagian dalam perbarisan yang diadakan di Stadium Miri di sini.

Perbarisan itu turut dimeriahkan dengan perarakan Jalur Gemilang gergasi sepanjang 44 meter yang disiap dan dibawa oleh 500 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Riam sambil melakukan persembahan dikir merdeka dan pantomin bertema "Keragaman Malaysia".

Terdahulu, Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor memeriksa perbarisan keselamatan dan seterusnya menerima tabik hormat dari kontinjen yang mengambil bahagian. Turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, anggota jemaah Kabinet negeri dan orang-orang kenamaan negeri.

Walaupun sambutan dilakukan di Miri, warga bandar raya Kuching turut merayakannya dengan menyertai pelbagai acara yang diadakan termasuk senaman aerobik dan pertandingan regatta darat Sarawak dan selipar gergasi.

Di SEREMBAN, pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Laxamana Tunku Naquiyuddin dan Tunku Puan Muda Tunku Nurul Hayati serta Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Seri Hazizah Tumin menyaksikan perbarisan hari kebangsaan peringkat negeri yang bermula dan berakhir di padang Majlis Perbandaran Seremban.

Ribuan orang yang menyaksikan acara perbarisan itu yang disertai kira-kira 3,200 peserta mewakili 80 kontinjen.

Sementara itu di PULAU PINANG, lebih 10,000 orang dari pelbagai lapisan menyambut Hari Kebangsaan dengan menyaksikan upacara perarakan dan perbarisan di Padang Kota Lama di sini.

Upacara perbarisan itu bermula dengan pemeriksaan perbarisan hormat Rejimen Ke-2 Infranti Askar Melayu DiRaja oleh Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahya Abdul Hamid serta Exco kerajaan negeri.

Di MELAKA, lebih 5,000 orang terdiri daripada 80 kontinjen yang mewakili pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan, pasukan beruniform, sekolah dan pelbagai pertubuhan mengambil bahagian dalam perarakan yang berlangsung di Padang Pahlawan, Bandar Hilir.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin, Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam serta anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan turut menyertai perhimpunan itu.

-- BERNAMA
MOZ ES RHM